

26 FEB 2002

Kelantan-Akujanji

KETUA JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN TANDATANGAN SURAT AKUJANJI

KOTA BAHARU, 26 Feb (Bernama) -- Semua ketua jabatan dan agensi kerajaan persekutuan di Kelantan hari ini menandatangani Surat Akujanji di hadapan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Surat Akujanji yang telah ditandatangani itu kemudiannya diserahkan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Ramli Abdul Rahman kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

Penyerahan surat akujanji itu turut disaksikan oleh Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapa Mohamed.

Sebelum itu, mereka bersama 600 pegawai jabatan dan agensi kerajaan persekutuan di negeri ini, sama-sama membaca ikrar yang terkandung dalam Surat Akujanji itu, diketuai oleh Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Saari Salleh.

Abdullah memulakan lawatan sehari ke negeri ini dengan menghadiri majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan persekutuan Kelantan di sebuah hotel di sini.

Mustapa semasa berucap berkata sebagai anggota perkhidmatan awam, mereka patut berbangga kerana mendapat peluang untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Beliau berkata tidak ada profesion yang lebih baik selain daripada berkhidmat untuk kerajaan kerana melaluinya mereka dapat membentuk imej kerajaan Malaysia.

Katanya profesion berkenaan adalah mulia dan sumbangan mereka bakal mendapat balasan pahala di akhirat kelak.

"Saya pernah menjadi pegawai kerajaan dan hingga hari ini pun masih lagi makan gaji dengan kerajaan, tidak pernah berniaga... saya bangga," katanya.

Mustapa berkata beliau bersyukur dengan jawatannya sekarang yang memberinya peluang untuk membantu kerajaan memantapkan lagi ekonomi negara.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya sentiasa prihatin dengan isu-isu yang membabitkan kakitangan awam sehingga membolehkan mereka mendapat pelbagai faedah dan ganjaran.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata kerajaan persekutuan tidak pernah "menganaktirikan" Kelantan malah menyalurkan pruntukan yang besar untuk memajukan negeri ini.

Beliau berkata dalam tempoh Oktober hingga Januari lepas, sebanyak RM68 juta telah disalurkan untuk pelbagai program termasuk pendidikan dan infrastruktur di negeri ini.

"Kelantan merupakan negeri terbaik dalam pelaksanaan projek, ini dimungkinkan kerana kita (kakitangan kerajaan) setia kepada kerajaan untuk memajukan rakyat," katanya.

-- BERNAMA

BD NMO